



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PERSOALAN PERPADUAN MELALUI DASAR PENDIDIKAN: PEMAHAMAN PIHAK PELAKSANA DI PERINGKAT SEKOLAH**

**SITI FAUZIAH BINTI MYDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PERSOALAN PERPADUAN MELALUI DASAR PENDIDIKAN: PEMAHAMAN PIHAK PELAKSANA DI PERINGKAT SEKOLAH**

**SITI FAUZIAH BINTI MYDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

Saya akui disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya.

2012

**SITI FAUZIAH BINTI MYDIN**  
**M20081000245**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kudrat yang diberikan, saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil yang diperolehi dengan adanya kerjasama dan bimbingan daripada pelbagai pihak. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai penaja pengajian ijazah sarjana saya di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua (Bajet Mini 2009). Jutaan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi kelulusan untuk menjalankan kajian ini, Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris khasnya kakitangan Institusi Pengajian Siswazah dan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia atas segala tunjuk ajar dan perkhidmatan yang diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Amir Hasan Bin Dawi yang telah memberi penyeliaan yang terbaik dan ilmu yang tidak ternilai sepanjang kajian ini dijalankan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan buat pentadbir sekolah yang terlibat dalam kajian ini, terima kasih atas segala kerjasama dan maklumat yang diberikan dalam membantu saya menjalankan proses pengumpulan data kajian.



Jutaan penghargaan buat ibu, suami, anak dan ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan padu serta semangat yang tidak terhingga dalam usaha saya menyempurnakan pengajian sarjana ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan, majikan dan rakan sekerja yang memberi sokongan, tunjuk ajar dan bantuan sepanjang usaha saya menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah S.W.T yang mampu membalas segala jasa dan pengorbanan anda.

Terima Kasih

**SITI FAUZIAH BINTI MYDIN**  
SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
M20081000245





## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Kerangka Konseptual	9
1.7 Definisi Istilah Dan Operasional	13
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Rumusan	21
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	<b>22</b>
2.1 Pengenalan	22
2.2 Konsep Perpaduan	22
2.3 Latar Belakang Sistem Pendidikan Malaysia	24
2.4 Cabaran Merealisasikan Konsep Perpaduan Melalui Pendidikan	29
2.5 Kajian Lepas	33
2.6 Dasar Pendidikan Berkaitan Pembentukan Perpaduan	37
2.7 Program Perpaduan Di Sekolah	48
2.8 Teori	53
2.9 Rumusan	59





<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>61</b>
3.1 Pengenalan	61
3.2 Reka Bentuk Kajian	61
3.3 Pemilihan Latar Dan Sampel	62
3.4 Pelaksanaan Temu Bual	64
3.5 Penganalisisan Dokumen	65
3.6 Instrumen Kajian	66
3.7 Kaedah Pengumpulan Data	67
3.8 Kaedah Analisis Data	68
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan	70
3.10 Batasan Kajian	71
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	<b>73</b>
4.1 Pengenalan	73
4.2 Analisis Dokumen	73
4.3 Analisis Temu Bual	133
4.4 Dapatan Analisis Temu Bual	134
4.5 Rumusan	182
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>186</b>
5.1 Pengenalan	186
5.2 Ringkasan Kajian	186
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	188
5.4 Implikasi Kajian	204
5.5 Implikasi Teori	208
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	210
5.7 Rumusan	213
<b>RUJUKAN</b>	<b>219</b>
<b>LAMPIRAN</b>	





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>muka surat</b>
2.1 Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) Seperti Pada Oktober 2007 Bagi Sekolah Rendah	50
2.2 Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) Seperti Pada Oktober 2007 Bagi Sekolah Menengah	51
3.1 Pemilihan Responden	63
4.1 Senarai Dokumen	74
4.2 Latar belakang Pemilihan Responden	133





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

viii

## SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat	
1.0	Kerangka Konseptual	9



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Isu perpaduan dalam negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik penting dalam pembangunan negara. Kajian kes ini membincangkan usaha kerajaan Malaysia yang telah melaksanakan pelbagai dasar membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat melalui sistem persekolahan. Kajian ini meneliti unsur perpaduan dalam dasar pendidikan, mengenal pasti pemahaman pentadbir sekolah terhadap unsur-unsur perpaduan dalam dasar pendidikan sedia ada dan mengenal pasti cabaran dalam pembentukan perpaduan melalui pendidikan. Persampelan kajian memfokuskan kepada pemahaman empat orang Guru Besar yang mentadbir Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Teknik temu bual dilakukan bagi mengenal pasti pemahaman mereka terhadap dasar-dasar perpaduan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, khususnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjadikan pendidikan sebagai wahana penyatuan kaum. Kajian ini turut disokong oleh dokumen-dokumen yang mengandungi dasar berkaitan perpaduan bermula dari Penyata Razak 1956 hingga kepada pengenalan konsep 1Malaysia dan Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan program-program perpaduan di peringkat sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dari tahun 1956 hingga 2010, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dalam sistem pendidikan negara bagi memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah. Dari aspek pemahaman, didapati guru besar hanya memahami beberapa perkara asas mengenai polisi perpaduan yang dilaksanakan dan bergantung sepenuhnya kepada garis panduan Surat Pekeliling Ikhtisas. Guru Besar juga menyerahkan tanggung jawab sepenuhnya kepada guru-guru untuk mendedahkan dan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep perpaduan. Secara menyeluruh beberapa masalah dan kekangan berlaku di peringkat pelaksanaan yang melibatkan pihak pentadbir sekolah, pelajar, ibu bapa dan komuniti. Kesimpulannya, pentadbir sekolah perlu memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pelbagai dasar kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah rendah.





## ABSTRACT

### ISSUE OF UNITY THROUGH EDUCATION POLICIES: HEADMASTERS UNDERSTANDING OF ITS IMPLEMENTATION AT SCHOOL LEVEL

Issue of unity in multiethnic nation is very important to the country's development. This case study has been conducted to discuss efforts of Malaysian government in achieving unity through various policies especially in education. This study examine the element of unity in education policies, identify school administrators understanding of elements of unity in education policies and identify the challenges of unity through education. Sampling for this study focuses on the understanding of four headmasters from National School, Chinese National Type Schools and Tamil National Type School. Their understanding about policies of unity in education was investigates through interviews. This study was supported by documents containing policies that lead to unity; beginning with the Razak Report to the 1Malaysia Concept and related circulars distributed by the Ministry of Education. The study showed that from 1956 to 2010, various efforts has been made by the government in the national education system to foster unity among school children. In terms of understanding, the headmasters have limited knowledge on national unity policies and fully dependent to circulars and guidelines by the Ministry. Headmasters also delegates responsibility entirely to their teachers. Nevertheless, some of the problems and constraints occur at the implementation level involves the school administrators, students, parents and community. In conclusion, school administrators have to play an important role in implementing various policies aligned with government's desire to foster unity among primary school children.





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, kerangka konseptual, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya bab ini akan menjelaskan kepentingan kajian, definisi istilah dan operasional serta batasan kajian.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan dianggap sebagai agen perubahan yang penting dalam merealisasikan hasrat sesebuah negara bagi menghadapi pelbagai persaingan. Perubahan yang berlaku di sekeliling dunia pendidikan menjadi tekanan langsung kepada pengurusan sekolah. Pengurusan institusi pendidikan mestilah berganjak kepada perspektif baru supaya dapat berperanan secara signifikan dan berkesan dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekelilingnya (Fullen, 1998).





Semenjak merdeka hingga ke hari ini, sistem pendidikan terus dijadikan wadah dan wahana utama untuk memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan akan datang dalam pembangunan negara dan bangsa. Rentetan perubahan global dan sekitar pula menuntut Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mantap dan mempunyai ketahanan dalam keadaan aliran pendidikan yang berubah-ubah. Analisis pembangunan pendidikan negara menunjukkan sistem yang unik, yang telah melalui satu laluan yang juga unik. Berdasarkan kepada dokumen Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (2006), sistem pendidikan yang ada pada hari ini telah melalui lima fasa iaitu Zaman Pramerdeka (sebelum 1957); Zaman Pasca Merdeka (1957-1970); Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990); Zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000); dan Zaman Dasar Wawasan Negara (2001-2010).



Sebelum negara mencapai kemerdekaan rakyat telah mengikuti pelbagai sistem pendidikan yang tidak berteraskan nasional. Penjajah membawa rakyat pendidikan Barat, pendidikan Cina dan India yang berpandu kepada negara asal sementara rakyat pribumi yang lain ke sekolah-sekolah pondok. Sistem pendidikan pada masa itu tidak mampu menyatupadukan rakyat. Keadaan sosioekonomi yang berubah begitu cepat telah memisahkan jauh antara satu etnik dengan etnik lain sehingga etnik boleh dikenali mengikut aktiviti ekonomi mereka. Malaysia telah banyak berhadapan dengan isu-isu perpaduan yang penting. Pelbagai perubahan dirancang dan telah melalui cabaran-cabaran yang menguji ketahanan negara sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk.





Dengan termaktubnya Penyata Razak pada 16 Mei 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 diharapkan matlamat perpaduan negara dapat dicapai supaya rakyat bersedia dalam menghadapi cabaran-cabaran masa akan datang. Pendidikan di Malaysia memainkan peranan sebagai alat utama untuk memupuk perpaduan masyarakat dan keharmonian rakyat. Perkara ini amat jelas apabila kita meneliti dasar-dasar kerajaan sejak kemerdekaan lagi. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berasaskan kepada Akta dan laporan-laporan berkenaan masih menjadi penggerak utama sistem pendidikan negara dalam memenuhi pelbagai tuntutan luar dan dalam negara ke arah merealisasikan hasrat negara maju menjelang 2020.

Namun tuntutan dalam pelbagai aspek pembangunan negara kini berbeza dengan tuntutan yang perlu dipenuhi apabila negara mencapai kemerdekaan. Situasi ini seterusnya memerlukan negara membuat penelitian agar Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat disesuaikan dengan keperluan semasa dalam menghadapi cabaran perubahan abad ke-21 sekiranya negara ingin merealisasikan hasrat melahirkan rakyat yang bersatu padu dan negara yang maju pada 2020.

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan melahirkan rakyat yang bersatu padu sedikit sebanyak telah tercapai. Misalnya kurikulum yang sama dan bercorak kebangsaan telah berjaya menimbulkan dan memupuk perasaan dan kesedaran kebangsaan Malaysia dalam kalangan mereka yang melalui sistem pendidikan kebangsaan. Namun demikian, sukar dipastikan sama ada perasaan dan kesedaran itu telah mewujudkan perpaduan.





Malah, perpaduan yang wujud kini, sukar dikatakan ia hasil daripada sistem pendidikan semata-mata kerana perpaduan bukannya bergantung kepada satu faktor sahaja walaupun sistem pendidikan menjadi wadah utama dalam pelaksanaan pelbagai dasar ke arah pemupukan perpaduan (Ibrahim Saad, 1995).

Pendidikan dan persekolahan di Malaysia memainkan peranan yang penting bagi memupuk semangat patriotik sebagai asas penyatuan, perpaduan dan pembinaan bangsa dan negara. Nilai patriotik sangat penting dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai budaya supaya setiap etnik dapat memberikan kesetiaan dan menjadikan negara ini sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020. Patriotisme menjadi asas melahirkan rakyat yang bersatu padu. Kurikulum sekolah memberi perhatian untuk menyuburkan nilai patriotik kepada pelajar melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Sejarah.



Dasar-dasar pendidikan merupakan pengantar atau media yang khusus bagi menjelaskan idealisme, falsafah, matlamat dan objektif pendidikan negara. Dasar pendidikan negara digubal pada peringkat pusat melalui sistem jawatankuasa untuk menjamin agar sistem pendidikan berjalan serentak, menyeluruh dan seragam. Pendidikan adalah satu komponen penting kehidupan dan budaya masyarakat. Oleh itu, kehidupan masyarakat ditampilkan dalam rupa bentuk falsafah, matlamat, dasar dan amalan dalam sistem pendidikan. Dasar Pendidikan meliputi pelbagai aspek dalam masyarakat iaitu sosial, politik, ekonomi, adat resam, agama, hak, kewarganegaraan dan sebagainya. Dasar pendidikan di negara ini mengira kepelbagaian budaya dan etnik disebabkan hasrat dalam segala usaha dalam pendidikan adalah untuk mencapai integrasi nasional.





Dasar pendidikan dinyatakan dengan jelas sama ada yang termaktub dalam undang-undang ataupun dinyatakan dalam laporan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar berkenaan (Sufean Hussin, 2008).

### 1.3 Penyataan Masalah

Persoalan tentang konsep perpaduan kerap ditimbulkan. Pelbagai pendekatan yang sesuai untuk mencapainya dilaksanakan sejak sebelum kemerdekaan lagi. Namun sehingga kini, persoalan tentang perkara ini masih menjadi isu dan diperdebatkan oleh pelbagai pihak malah perpaduan dianggap sebagai sesuatu yang mustahil dicapai dalam negara Malaysia yang multietnik. Sehingga kini persoalan yang dikemukakan tidak menyentuh perkara dasar untuk dijadikan teras bagi pembentukan pendekatan yang lebih baik untuk memanifestasikan konsep perpaduan. Kebanyakan pendekatan yang dibuat selama ini adalah secara *ad-hoc* dan *superficial* yang kurang mampu menerapkan nilai-nilai dan pengertian perpaduan itu sendiri dalam masyarakat (Sufean Hussin, 2008).

Pelbagai usaha telah dijalankan sejak kemerdekaan untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu. Penyata Razak 1956 merupakan usaha dan menjadi panduan dalam penggubalan serta pengubah suai dasar-dasar lain dalam sistem pendidikan. Kewujudan sekolah pelbagai aliran dianggap suatu yang penting dalam masyarakat majmuk. Penyata Razak (1956) perlu difahami dengan sebaik mungkin oleh pentadbir sekolah agar nilai dan hak kesamarataan yang terkandung di dalamnya dapat di aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemahaman pentadbir sekolah terhadap dasar awal negara ini adalah penting dalam usaha pemupukan perpaduan.





Hasrat penubuhan Sekolah Kebangsaan (SK) telah diilhamkan oleh para pemimpin negara sebagai wahana untuk perpaduan rakyat pelbagai kaum. SK diharap dapat dijadikan tempat untuk generasi muda hidup bermasyarakat, saling bekerjasama antara satu sama lain serta melahirkan rakyat yang setia dan menyumbang kepada kesejahteraan negara. Dasar yang ada perlu diteliti dari aspek pemahaman para pelaksana terutamanya pentadbir sekolah dalam usaha meyakinkan Ibu bapa dengan kemampuan SK yang seterusnya menjadikan pendidikan asas sekolah rendah sebagai alternatif dalam pembentukan perpaduan melalui pendidikan.

Berdasarkan beberapa isu yang dinyatakan di atas maka satu kajian mengenai pembentukan perpaduan melalui pendidikan adalah perlu bagi meneliti aspek pemahaman yang terkandung dalam dasar-dasar pendidikan yang memfokuskan perpaduan.

Permasalahan yang ingin diketengahkan adalah sejauh mana dasar-dasar sedia ada benar-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi  
benar difahami oleh pentadbir sekolah (dalam kajian ini memfokuskan kepada Guru Besar) tentang apa yang dihasratkan dalam setiap dasar yang diperkenalkan dan sejauh mana dasar-dasar berkaitan dapat menghasilkan perpaduan di peringkat awal persekolahan dan kekal dalam konteks masyarakat keseluruhannya.

Kajian ini penting untuk meneliti dasar-dasar sedia ada kerana pada penelitian pengkaji sistem pendidikan negara mempunyai pelbagai dasar yang menjurus kepada pembentukan perpaduan sejak sebelum merdeka lagi. Penelitian terhadap dasar sedia ada membolehkan setiap pihak terutamanya pihak perancang dasar mengenal pasti kelemahan dan kelebihan dalam setiap aspek dasar yang dikuatkuasakannya. Hasilnya boleh dijadikan sebagai panduan dalam penambahbaikan dasar sedia ada tanpa memperkenalkan dasar baru yang hanya akan menambahkan kos dan masa pelaksanaan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

7

Lambakan pelbagai dasar juga membuatkan pihak pentadbir sekolah perlu melaksanakan pelbagai program selain pengajaran dan pembelajaran yang secara tidak langsung akan mengganggu peranan sebenar sekolah dalam melahirkan pelajar yang berkualiti.

Pengkaji melihat isu ketidakfahaman tentang sesuatu dasar membawa kepada kegagalan di peringkat pelaksanaan. Penelitian perlu dilakukan oleh perancang dasar mengenai situasi atau konteks sebenar di sekolah sebelum sesuatu dasar dibentuk. Manakala pihak pentadbir sekolah perlu memahami dengan jelas hasrat yang ingin direalisasikan oleh kerajaan. Kajian ini bertujuan meneliti sejauh manakah pentadbir sekolah benar-benar memahami unsur-unsur perpaduan yang terkandung dalam dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh kerajaan dari awal merdeka sehingga kini? Pemahaman pentadbir sekolah dilihat pengkaji sebagai suatu yang penting dalam memastikan pemupukan perpaduan dapat dilaksanakan dari peringkat awal lagi yakni bermula dari pendidikan di sekolah rendah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini dijalankan ialah:

- 1.4.1 Untuk meneliti unsur perpaduan dalam dasar pendidikan Malaysia dari era merdeka sehingga kini.
- 1.4.2 Untuk mengenal pasti pemahaman pentadbir sekolah terhadap unsur-unsur perpaduan yang terkandung dalam dasar pendidikan sedia ada.
- 1.4.3 Untuk mengenalpasti cabaran dalam pembentukan perpaduan melalui pendidikan.

## 1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut:



- 1.5.1 Apakah unsur perpaduan yang terdapat dalam dasar pendidikan Malaysia?
- 1.5.2 Sejauh manakah pentadbir sekolah sebagai pelaksana dasar memahami unsur-unsur perpaduan yang terkandung dalam dasar pendidikan Malaysia?
- 1.5.3 Apakah cabaran dalam pembentukan perpaduan melalui pendidikan?



## 1.6 Kerangka Konseptual: Pembentukan Perpaduan Melalui Pendidikan

Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.0.



Berdasarkan Rajah 1.0, penelitian dilakukan terhadap dasar-dasar pendidikan yang mengandungi unsur-unsur atau usaha pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pembentukan perpaduan melalui sistem pendidikan. Pengkaji memilih organisasi sekolah sebagai penerima pelbagai dasar dan pelaksana di peringkat akar umbi dengan memfokuskan kepada peranan dan pemahaman Guru Besar. Teori Pilihan Rasional yang diasaskan oleh Coleman merupakan pendekatan teori yang cuba meneliti realiti sosial dengan cara melihat pilihan tingkah laku manusia di peringkat individu dan kumpulan. Dalam kajian ini, Guru Besar dilihat sebagai individu yang mempunyai pilihan untuk melaksanakan pelbagai dasar di peringkat sekolah.



Sistem pendidikan Malaysia ialah sistem berpusat di mana struktur pentadbirannya terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu peringkat pusat, negeri dan sekolah di samping terdapat pentadbiran peringkat daerah yang menjadi perantara peringkat negeri dengan peringkat sekolah. Kementerian Pelajaran bertanggungjawab mentadbir seluruh sistem pendidikan.

Sistem sekolah terdiri daripada komponen guru, murid, infrastruktur, pengetua, dan kakitangan am. Oleh sebab sistem sosial diuruskan oleh manusia yang berinteraksi, yang mempengaruhi dan dipengaruhi, maka sistem sekolah adalah satu sistem terbuka. Keterbukaan sistem sekolah dilihat pada kebolehannya melakukan perubahan yang membawa kepada pencapaian matlamat dengan lebih cekap dan berkesan. “Sekolah merupakan satu sistem sosial yang tersendiri yang amat peka kepada kehendak dan aspirasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

ptbupsi

Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan disalurkan melalui kurikulum kepada sistem sekolah untuk dilaksanakan. Sekolah menjadi agen sosialisasi, pembudayaan dan pembangunan masyarakat yang menentukan jenis sumber manusia yang dihasilkan kepada masyarakat” (Sufean Hussin, 2008:195).

Sekolah sebagai saluran yang digunakan untuk melaksanakan pelbagai dasar tertakluk pada pemahaman pihak pentadbiran yakni guru besar yang berperanan dalam memastikan para guru dapat melaksanakan dan memberikan pemahaman yang betul mengenai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam setiap dasar yang diperkenalkan sama ada diserapkan dalam kurikulum atau kokurikulum.





Kajian ini berusaha meneliti pelbagai usaha kerajaan dalam pembentukan perpaduan melalui pendidikan dan mengenal pasti sejauhmana pentadbir sekolah benar-benar memahami objektif dan hasrat kerajaan dalam menguatkuaskan pelbagai dasar dan memperkenalkan pelbagai program yang menjurus kepada perpaduan di peringkat sekolah. Teori Pilihan Rasional dijadikan sebagai asas kajian bagi menegaskan keberkesanan sesuatu dasar adalah bergantung kepada individu. Individu berhak memilih untuk melaksana, menerima atau mentafsir tentang sesuatu usaha yang diperkenalkan berdasarkan pemahaman dan kemahuan masing-masing, sama ada sesuatu dasar itu difahami secara mendalam dan dilaksanakan bersungguh-sungguh selaras dengan objektif adalah pilihan individu.

Teori Pilihan Rasional yang dipopularkan oleh Thomas Sowell, Thomas Schelling,



mengandaikan bahawa:

- (a) Individu mempunyai matlamat dan kecenderungan yang berbeza;
- (b) Individu bertindak untuk memaksimumkan ganjaran material dan kedudukan sosial;
- (c) Tingkah laku individu merupakan fungsi sentimen peribadi dan kepercayaan terhadap kelompok sebayanya;
- (d) Semasa individu bertindak ke atas pilihan tingkah laku yang dibuat, individu berkenaan akan mewujudkan ikatan sosial yang lebih erat dengan individu lain yang terlibat;
- (e) Apabila individu gagal memaksimumkan kepuasan melalui pelbagai dimensi kumpulan sosial yang wujud dalam masyarakat, dia akan berpaling kepada soal-soal keagamaan dan ketuhanan.





Teori pilihan rasional dilihat mampu mengupas isu berkaitan jurang perpaduan yang masih wujud di sekolah walaupun pelbagai dasar dan program dijalankan. Pilihan yang dimiliki oleh setiap individu sama ada di peringkat atasan atau peringkat akar umbi seperti sekolah dan masyarakat umumnya memberi peluang kepada mereka sama ada mahu menerima atau tidak, mahu mengamalkan atau tidak segala dasar dan program yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Pilihan dibuat bersandarkan pemahaman, latar belakang budaya dan etnik yang berbeza yang seterusnya mempengaruhi cara mereka bertindak. Pelajar dan guru masing-masing memiliki latar belakang budaya yang berbeza sama ada dari segi etnik, cara hidup atau bahasa yang digunakan. Pembawaan budaya sendiri dalam organisasi sekolah mengakibatkan ketidakseragaman dari segi penerimaan dan pemahaman tentang sesuatu dasar atau program perpaduan.



Dalam kajian ini Guru Besar sebagai pelaksana yang bekerjasama dengan guru-guru di peringkat sekolah mempunyai pilihan dalam menentukan kepentingan dan keberkesanan sesuatu dasar. Manakala pelajar mempunyai pilihan untuk mengikuti apa yang diajar mengikut kefahaman, budaya, latar belakang dan pegangan masing-masing. Oleh itu, pembentukan perpaduan melalui sistem pendidikan adalah pilihan kerajaan, untuk merealisasikannya adalah peranan pentadbir sekolah. Setiap pihak perlu memilih untuk bersama-sama merealisasikan hasrat kerajaan dalam usaha pembentukan perpaduan bagi melahirkan rakyat yang bersatu padu dan negara yang aman makmur.





## 1.7 Definisi Istilah Dan Operasional

### 1.7.1 Pendidikan

Shahril Marzuki (1999) menyatakan bahawa pendidikan ialah perkembangan dan penyuburan fikiran dan kuasa semula jadi yang sistematik. Hal ini bermula ketika prasekolah berterusan di sekolah dan juga berlangsung seumur hidup. Perkataan sistematik dalam konteks ini membawa andaian bahawa pembelajaran telah dirancang dan meliputi pendidikan formal dan pendidikan bukan formal.

Pendidikan merupakan medan pembinaan manusia dan ilmu. Pendidikan bukan setakat pembinaan individu sahaja tapi lebih daripada itu ianya juga mempunyai matlamat ke arah pembinaan tradisi keilmuan, menentukan kebenaran, keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Cabaran dan peranan pendidikan adalah bagi melahirkan manusia yang taat kepada ajaran agama, berilmu, beretika, bermoral dan bertanggungjawab. Ciri-ciri tersebut membolehkan setiap individu menyumbangkan tenaga ke arah pembangunan masyarakat dan negara. Sistem pendidikan menjadi wadah terpenting bagi membina identiti bangsa serta merupakan alat terpenting untuk membangunkan negara. (Kamarudin Taib, 1992).

Pendidikan mempunyai fungsi penting untuk mengekalkan masyarakat. Pelopor teori fungsionalisme, Durkheim percaya bahawa kewujudan institusi pendidikan adalah untuk mengekalkan ikatan sosial dan perpaduan. Fungsionalisme menekankan mengenai konsensus yakni manusia bersetuju kepada nilai-nilai masyarakat di mana mereka hidup dan mengiktiraf kebaikannya dan konsensus wujud supaya masyarakat dapat berjalan lancar. Sistem pendidikan bertindak sebagai agen penentu dan pengawal apabila ada sesuatu menganggu kestabilan masyarakat (Amir Hasan Dawi, 2006).





Teori Konflik mempunyai persamaan dengan fungsionalisme dengan menganggap pendidikan sebagai alat untuk mencapai tujuan ekonomi masyarakat. Pendidikan berfungsi memenuhi kehendak-kehendak ekonomi yang menjadi asas kepada masyarakat. Dalam persaingan memperolehi kedudukan ekonomi, pendidikan dikatakan menyebelahi pihak dominan yang seterusnya mewujudkan persoalan mengenai ketidaksamarataan peluang pendidikan. Pendidikan berperanan menjamin stratifikasi sosial yang sedia ada dalam masyarakat dan berfungsi untuk meneguhkan kedudukan kelas sosial dan golongan kapitalis (Amir Hasan Dawi, 2006).

Pendidikan dilihat dari dua perspektif, iaitu sebagai cara (*means*) dan sebagai hasil (*product*). Pendidikan dari sudut cara mempersoalkan proses pendidikan; yang meliputi dimensi pendidikan dan pengajarannya, anak didik dan pembelajarannya, serta perkhidmatan dan infrastruktur sistem pendidikan. Pendidikan dari sudut cara memberi perhatian pada perseptif mikro. Pendidikan dari hasil pula, mempersoalkan matlamat dan tujuan pendidikan; yang meliputi dimensi sosialisasi, pembudayaan dan idealisme pendidikan. Pendidikan dari sudut hasil memberi perhatian pada perspektif makro, iaitu pendidikan “untuk apa”? (Sufean Hussin, 2008).

Oleh itu, dalam kajian ini pendidikan dilihat dari satu saluran atau medan, yakni pendidikan digunakan sebagai saluran untuk menerapkan pemahaman mengenai konsep dan nilai-nilai perpaduan seterusnya menumpukan kepada hasil atau matlamat akhir yang ingin dicapai dalam pelaksanaan setiap dasar dan program pembentukan perpaduan melalui pendidikan.





### 1.7.2 Dasar

Tafsiran dasar secara umum merupakan ketetapan yang dibuat oleh golongan pemerintah dan pentadbir tertinggi tentang segala urusan pentadbiran negara. Antaranya bidang pertahanan, ketenteraman, keadilan, kebajikan, ekonomi, pendidikan dan hubungan diplomatik (Sufean Hussin, 2002).

Dari segi bahasa dan konteks dalam bidang sains sosial, dasar sama ertinya dengan asas, iaitu sesuatu ketetapan yang menjadi pegangan dan tunggak tindakan dan urusan. Perkataan Inggeris yang seerti dengan dasar ialah *policy*. Dari segi etimologinya, *policy* berasal dari perkataan greek ‘polis’ yang bermakna *city-state*. Dalam bahasa Latin kemudiannya menjadi *politia* yang merujuk kepada negara. Seterusnya perkataan *policie* digunakan dalam Middle English untuk merujuk pengendalian urusan awam atau pentadbiran kerajaan (Sufean Hussin, 2008).



Dasar digubal oleh golongan pemerintah, pemimpin atau pentadbir yang bertujuan melindungi hak status, faedah bagi keseluruhan ahli masyarakat dalam pelbagai bidang. Kadangkala dasar mempunyai unsur diskriminatif yang sengaja untuk melindungi kepentingan keistimewaan sesuatu pihak atau golongan.

Kadang kala juga dasar mempunyai unsur tekanan dan desakan untuk memastikan kepatuhan dan kejayaan pelaksanaan dasar. Misalnya pemahaman dan penekanan bahawa 1Malaysia bukanlah dasar baru tapi dasar pelengkap kepada usaha pembentukan perpaduan sedia ada yang memerlukan pihak sekolah mengadakan pelbagai aktiviti baru yang menekankan konsep 1Malaysia dengan melakukan pengukuhan dan pemantapan dari segi strategi dan pelaksanaan.





Konsep 1Malaysia:

*“1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia.” - Dato’ Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak*

[www.1malaysia.com](http://www.1malaysia.com)(akses 11 Jun 2009)

Pendidikan ialah pembelajaran, iaitu penambahan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pada individu manusia dalam pelbagai situasi dan keperluan. Dalam konteks pendidikan formal di Malaysia, terdapat pelbagai amalan dalam bidang dan sistem pendidikannya di mana amalan-amalan itu unik untuk Malaysia dan mencerminkan identiti, budaya, sistem dan bidang pendidikan di negara ini. Amalan-amalan dalam budaya pendidikan berkait rapat dengan dasar-dasar kerajaan dalam usaha mencapai matlamat (luar dan dalam) yang diingini oleh masyarakat seluruhnya (Sufean Hussin, 2002).

Dalam kajian ini dasar merujuk kepada segala penggubalan dasar pendidikan dalam masyarakat yang dipengaruhi kepelbagaian etnik. Misalnya, perpaduan yang menjadi gagasan pemikiran perumusan dasar pendidikan sebelum mencapai merdeka sehingga kini. Kajian ini turut melihat penggubalan dasar bagi bidang pendidikan mengambil kira pelbagai aspek perubahan masyarakat yang menyebabkan perubahan pada dasar pendidikan.





Perubahan dasar tidak semestinya merombak seluruh sistem dan bidang pendidikan tetapi melakukan pengukuhan dan pemantapan kepada dasar sedia ada dari segi memantapkan pemahaman pihak pelaksana di peringkat akar umbi (kajian ini memfokuskan pendidikan sekolah rendah sebagai peringkat asas pendidikan).

### 1.7.3 Perpaduan

Perpaduan dapat diertikan sebagai hubungan erat bersifat toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan etnik yang berbeza untuk mencapai matlamat bersama. Kamus Besar Bahasa Melayu (2002) mentakrifkan perpaduan sebagai penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan dan perihal berpadu iaitu bergabung menjadi satu, sepakat dan sebagainya.



konsep yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak dalam usaha membentuk 1Malaysia:

*“Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1Malaysia menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.”*

-www.1malaysia.com(akses 11 Jun 2009)-





Perpaduan Negara adalah satu keadaan di mana rakyat dari pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (Ishak Saat, 2009).

Penyelidik melihat perpaduan wujud apabila setiap rakyat merasakan mereka rakyat Malaysia yakni memiliki semangat patriotisme dalam sama-sama memajukan negara ke tahap antarabangsa tanpa ada sikap prejudis. Mewujudkan perasaan bahawa kita semua adalah rakyat dalam satu negara yang sama dan kita perlu hidup bersama secara harmoni.

#### 1.7.4 Etnik



“Kelompok etnik ialah kelompok manusia yang anggotanya mengaitkan diri melalui sesuatu warisan sepunya, baik warisan yang benar maupun yang dianggap. Identiti etnik dipupuk dengan membezakan kelompok diri daripada kelompok yang lain menerusi sifat-sifat seperti budaya, bahasa, agama, dan tingkah laku” (Eriksen, 2001:42).

Menurut Eriksen (2001), kajian keetnikan dikuasai oleh Primordialisme dan Instrumentalisme. Pada pandangan penyokong primordialisme, peserta menganggap ikatan etnik secara kolektif sebagai sesuatu yang diberikan dari luar, malah sebagai ikatan sosial yang terpaksa. Sebaliknya, pendekatan para penyokong instrumentalisme memperlakukan keetnikan, terutamanya, sebagai suatu unsur *ad-hoc* strategi politik yang dipergunakan oleh pihak berkepentingan untuk mencapai matlamat sekunder, misalnya penambahan kekayaan, kuasa, atau status.





Dalam kajian ini penyelidik menumpukan kepada pembentukan perpaduan dalam tiga kalangan etnik utama yakni Melayu, Cina dan India. Pemilihan ini bukan bermakna penafian untuk membentuk perpaduan dalam kalangan etnik lain di Malaysia seperti masyarakat orang Asli, masyarakat Sabah dan Sarawak tetapi perpaduan dalam ketiga-tiga etnik yang merupakan majoriti penduduk ini penting bagi memastikan kestabilan dan kemajuan negara yang seterusnya menyumbang kepada etnik minoriti yang lain.

### 1.7.5 Sekolah

Organisasi pendidikan yang ada di Malaysia memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda-agenda pembentukan perpaduan. Sekolah sebagai organisasi sosial terawal yang mendidik anak-anak secara formal memainkan peranan utama dalam merealisasikan agenda berkenaan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum dan kokurikulum yang dibentuk tergambar pada sukatan pelajaran, buku teks, program pendidikan dan misi institusi pendidikan.

Dalam kajian ini responden yang terlibat adalah dari Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (2006:76-78), SK merujuk kepada sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah harian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah-sekolah ini ditubuhkan sebagai sekolah aliran perdana bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Manakala SJKC dan SJKT merupakan sekolah rendah jenis kebangsaan yang menggunakan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Ketiga-tiga jenis sekolah ini menggunakan sukatan kurikulum dan menduduki sistem peperiksaan awam yang sama.





## 1.8 Kepentingan Kajian

Pada hari ini, cabaran globalisasi memerlukan kita meneliti sistem pendidikan dan kemampuan pelajar-pelajar untuk bersaing secara sendiri tanpa mengharapkan bantuan kerajaan. Pelajar kini harus dilatih supaya lebih berakhlak, berkemahiran dan berdaya saing, mempunyai semangat kebangsaan serta mampu menyumbang sesuatu kepada negara melalui pemodenan dan kecanggihan teknologi.

Peranan pemimpin dan pendidik untuk memahami situasi sebenar yang sedang berlaku di institusi pendidikan adalah amat penting bagi memastikan segala bentuk dasar, program dan kurikulum yang ingin diketengahkan benar-benar mampu melahirkan generasi yang bersatu padu dalam arus globalisasi yang sudah tentu lebih liberal dan kapitalis. Pemantapan strategi dan pelaksanaan sedia ada amatlah penting agar tidak berlaku lambakan dasar dan pembaziran kos dalam usaha melahirkan rakyat Malaysia yang bersatu padu. Kajian ini penting bagi melakukan penelitian semula terhadap dasar pendidikan yang memfokuskan perpaduan seterusnya mencadangkan langkah pemantapan dasar-dasar tersebut.

Hasrat untuk mencapai perpaduan melalui sistem pendidikan memerlukan kesediaan dan keterbukaan dari setiap pihak agar hasrat negara dalam pembentukan negara bangsa dapat dicapai dan direalisasikan. Kajian ini boleh digunakan bagi menilai semula langkah-langkah menyemai sifat toleransi dan perpaduan. Selain berperanan dalam meneliti cabaran dan penerimaan membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, khasnya dalam kalangan pelajar sekolah.





Dapatan kajian ini akan mengemukakan beberapa saranan penambahbaikan dasar dan polisi sedia ada bagi memastikan matlamat pendidikan jelas dan telus dari segi strategi dan pelaksanaan. Pelaksana diharap dapat mentafsir dasar dan polisi dalam erti sebenar sebelum disampaikan kepada penerima dasar bagi memastikan dasar sedia ada memenuhi matlamat pada akhir pelaksanaannya. Maklumat ini penting bagi Kementerian Pelajaran dalam mengenal pasti kelemahan dan kekuatan dasar sedia ada terutama berkaitan pembentukan perpaduan di sekolah kerana pendidikan asas bermula dari sekolah. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada mereka yang ingin membuat penyelidikan seumpama dengannya.

### 1.9 Rumusan

Kajian ini dilihat satu kajian yang berbeza dari kajian-kajian berkaitan isu perpaduan yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian ini melakukan penelitian terhadap dasar-dasar sedia ada dengan menumpukan aspek penting dalam memastikan keberhasilan sesuatu dasar di peringkat akar umbi (sekolah). Selain itu kajian ini dijalankan dengan tujuan mengemukakan cadangan bagi penambahbaikan dasar sedia ada tanpa melakukan rombakan besar dan tanpa menghasilkan suatu dasar atau program baru dalam usaha kerajaan Malaysia memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat secara keseluruhannya. Pengkaji menumpukan kepada pemahaman dan pengetahuan pelaksana dasar yakni pihak pentadbir sekolah terhadap dasar-dasar perpaduan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui sistem pendidikan awal kemerdekaan hingga kini. Tumpuan kajian adalah Guru Besar sebagai individu yang memainkan peranan sebagai pelaksana segala dasar yang diperkenalkan di peringkat sekolah serta berperanan dalam memastikan kejayaan sesuatu dasar. Kajian ini dianggap penting kerana penelitian terhadap pemahaman sesuatu dasar jarang dikaji berbanding dengan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut.

